

## JAWATAN KOSONG



### MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Permohonan-permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan seperti berikut:- (Keutamaan adalah calon yang dilahirkan dan menetap di Negeri Kedah).

SKIM PERKHIDMATAN	PENOLONG PEGAWAI TADBIR
-------------------	-------------------------

Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Pentadbiran dan Sokongan
Gred Jawatan	: N29
Jumlah kekosongan	: Dua (2)
Jadual Gaji	: RM1, 493.00 – RM5,672.00
Jabatan	: Khidmat Pengurusan/Pembangunan Masyarakat
Taraf Jawatan	: Tetap

#### SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
  - a) Warganegara Malaysia ;
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
  - c) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gerd N29: RM1,403.00); atau  
  
Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gerd N29: RM1,403.00); atau  
  
Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gerd N29: RM1,770.95);

2. Memiliki Kejujuran (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a. mempunyai kelayakan di atas; atau
- b. Lulus Peperiksaan Khas, dan
- c. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- d. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- e. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan pada 60 tahun.

### **DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan Konsuler, Penguatkuasaan Undang-undang, pembangunan masyarakat, pembangunan organisasi dan pengurusan kualiti

## CARA MEMOHON

- 1) Semua borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman Portal MPKK <http://www.mpkk.gov.my/ms/mp-kulim/sumber/muat-turun-borang/e-borang>
- 2) Setiap permohonan hendaklah disertakan perkara-perkara berikut:-
  - a) 2 keping gambar berukuran passport
  - b) Salinan Sijil Kelahiran
  - c) Salinan Kad Pengenalan
  - d) Salinan Sijil Peperiksaan
  - e) Lain-lain Sijil yang berkaitan.
- 3) Setiap salinan dokumen di atas hendaklah diakui sah.
- 4) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 25 sm x 32 sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.
- 5) Permohonan yang tidak lengkap, tidak jelas dan tidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan akan **DITOLAK**. Permohonan hendaklah sampai di alamat seperti berikut:-

YANG DIPERTUA,  
MAJLIS PERBANDARAN KULIM  
NO. 1, LEBUH BANDAR 2  
BANDAR PUTRA  
09000 KULIM, KEDAH DARUL AMAN  
(u.p: Bahagian Sumber Manusia)

- 6) Tarikh Tutup Permohonan: **31 JANUARI 2017**

## CATATAN AM

- i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

